



19 MAY, 2022

Pelaburan besar bakal dibuat oleh Amazon Web di Malaysia

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Pelaburan besar bakal dibuat oleh Amazon Web di Malaysia



SEATTLE - Amazon Web Services Inc (AWS) berusaha untuk merealisasikan potensi Malaysia sebagai hab pusat data di rantau Asia Tenggara dan dijangka melabur satu jumlah yang besar bagi membangunkan pusat data di negara ini pada tahun ini.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerajaan telah memberikan kelulusan kepada AWS untuk melabur di Malaysia.

Namun, katanya, ada beberapa perkara masih perlu diperhalusi oleh syarikat itu dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Kementerian Perdagangan

Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Kementerian Kewangan.

“Oleh kerana ini merupakan satu bidang teknologi baharu yang berkualiti tinggi, kerajaan bersedia untuk meneliti permintaan AWS bagi menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi ini ke Malaysia.

“Kami sedang merundingkan beberapa insentif baharu yang lebih inovatif dan menarik minat AWS untuk membina lebih banyak pusat data di Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan selepas mengadakan pertemuan dengan wakil AWS di sini pada Selasa.

AWS merupakan salah satu syarikat gergasi perintis yang menyediakan perkhidmatan dalam pengkomputeran awan.



MOHAMED AZMIN

Menurut Mohamed Azmin, perbincangan telah menghasilkan satu persefahaman tentang permintaan daripada AWS berhubung beberapa insentif baharu yang sedang dipertimbangkan oleh MITI dan Kementerian Kewangan.

“Kami yakin proses perundingan ini akan dapat dimuktamadkan dalam masa terdekat kerana bagi Malaysia, pelaburan ini amat penting untuk mempercepatkan proses transformasi dan adaptasi dalam teknologi digital di Malaysia,” kata Mohamed Azmin.

Sebelum itu, beliau juga telah bertemu dengan wakil Microsoft Corporation, di mana syarikat teknologi gergasi tersebut giat untuk melatih satu juta tenaga kerja tempatan melalui inisiatif Bersama Malaysia Microsoft yang dilancarkan pada April 2021.

“Saya dimaklumkan bahawa

hampir 500,000 tenaga pekerja tempatan telah dilatih melalui program tersebut mulai tahun ini dan saya yakin sasaran melatih satu juta tenaga pekerja tempatan akan dapat dicapai pada 2023,” katanya.

Menurutnya, Microsoft dan AWS juga bersedia memberikan input kepada kerajaan bagi mempertingkatkan daya saing negara dalam ekonomi digital.

“Kehadiran syarikat-syarikat tersebut pastinya akan dapat membantu mempercepatkan transformasi dan adaptasi teknologi digital yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang lestari serta mampan di negara ini.

“Pelaburan seperti ini juga merupakan satu pelaburan yang selari dengan aspirasi Dasar MyDigital yang diperkenalkan untuk menjamin akses dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya pihak industri termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam teknologi digital,” katanya.

Mengenai pertemuan dengan Ammex Corporation pada petang Selasa, Mohamed Azmin berkata, pengimport sarung tangan industri untuk pasaran Amerika Syarikat (AS) itu bersedia untuk meningkatkan jumlah import produk dari Malaysia.

Beliau berkata, setakat ini sebanyak 60 peratus sarung tangan industri syarikat berkenaan diimport dari Malaysia.

“Kami telah membantu mengenal pasti beberapa syarikat tempatan yang menjadi pengeluar sarung tangan industri ini bagimemenuhi permintaan syarikat tersebut.

“Ia akan membantu merancakkan lagi aktiviti-aktiviti sektor pembuatan di negara kita, khususnya dalam kalangan PKS bagi memenuhi piawaian antarabangsa dan juga meningkatkan produktiviti mereka untuk pasaran di AS,” jelas Mohamed Azmin lagi. *-Bernama*



19 MAY, 2022

Pelaburan besar bakal dibuat oleh Amazon Web di Malaysia

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SEATTLE - Amazon Web Services Inc (AWS) berusaha untuk merealisasikan potensi Malaysia sebagai hab pusat data di rantau Asia Tenggara dan dijangka melabur satu jumlah yang besar bagi membangunkan pusat data di negara ini pada tahun ini. Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerajaan telah memberikan kelulusan kepada AWS untuk melabur di Malaysia.